

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia  
www.islam.gov.my



# قند يدق Pendidik

Membina Generasi Berhemah Tinggi

## Mutiara Hadith

Sifat Pemurah Amalan Rasulullah

KHYRA & KHYRI  
Ramadhan Tiba

## KISAH NABI

Siapa Sebenarnya  
Musuh Kita



ISSN 0128-2247



9 770128 224008

PERCUMA



**PENAUNG**

**Dato' Hj. Othman bin Mustapha**  
Ketua Pengarah Jakim

**PENASIHAT**

**Dato' Hj. Razali bin Shahabudin**  
Timbalan Ketua Pengarah  
(Pembangunan Insan Jakim)

**KETUA PENGARANG**

**Abdul Hamid bin Mohamed Salleh**

**TIMBALAN KETUA PENGARANG**

**Hj. Hashim bin Hj. Salleh**

**PENGARANG**

**Nor Simah bt Khalim**  
**Siti Kasmah Kassim**

**PENYUNTING**

**Nor Hashimah bt Embong**  
**Wan Nadzirah bt Wan Mohamad**  
**Baharuddin bin Malek**

**PEMBANTU PENGARANG**

**Mohd Nasuha bin Aman @ Abd**  
**Rahman**

**REKABENTUK & PERCETAKAN**

**Aras Mega (M) Sdn. Bhd.**<sup>1164242-WM</sup>

**PENGURUS EDARAN**

**Mohd Rashidi bin Mohd Jamil**

**PEMBANTU EDARAN**

**Mohd Shuhaidil bin Shukri**  
**Erniza bt Mat Kassim**

**E-MEL**

**didik@islam.gov.my**

© Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan majalah ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah Jakim.

PENDIDIK diterbitkan secara dwibulanan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) mulai 1989/1410H. Sidang pengarang berhak melakukan perubahan ke atas karya yang dikirim selagi tidak mengubah isi kandungannya. Segala sumbangan yang dikirim tidak akan dikembalikan, sama ada disiarkan ataupun tidak. Sidang pengarang juga tidak bertanggungjawab atas kehilangan tulisan atau karya yang dikirim melalui pos.



## Indahnya Ramadhan

Ramadhan... Ramadhan... Setiap tahun, Ramadhan datang dan pergi begitulah seterusnya. Setiap daripada kita diwajibkan untuk berpuasa tidak kira usia tua atau muda. Bulan Ramadhan adalah bulan umat Islam diuji dengan penuh kesabaran kerana kita menahan diri daripada lapar dan dahaga malahan segala nafsu. Bulan Ramadhan juga ialah bulan beribadah kerana dalamnya bulan yang diturunkan al-Quran untuk dibaca. Terdapat banyak keistimewaan yang boleh kita dapati dalam bulan Ramadhan ini. Kita seharusnya bersyukur kerana bulan Ramadhan bulan yang terpilih oleh Allah SWT diadakan suatu malam yang sangat tinggi nilainya iaitu "Malam Lailatulqadar". Tahukah adik-adik, malam lailatulqadar itu telah dijelaskan di dalam al-Quran tentang makna dan keistimewaannya iaitu suatu malam yang memiliki keistimewaan yang luar biasa di mana malam yang lebih baik daripada 1000 malam. Begitu hebatnya bulan Ramadhan yang mulia ini. Maka capailah keistimewaan dan kebaikan bulan ini dengan sebaik-baiknya. Jom berpuasa!





# Kandungan

## MUTIARA HADITH

2

- Sifat Pemurah Amalan Rasulullah

## FARDU AIN/KIFAYAH

3-5

- Belajar Tauhid: Ramadhan
- Adab Islamiah: Adab ketika Berbuka Puasa
- Tafhimul Quran: Hikmah berpuasa di Bulan Ramadhan

## ULUL ALBAB

6-10

- Anatomi/Perubatan: Sujud Rahmat Allah untuk Kita
- Sains, Teknologi & Alam Sekitar: Buruj
- Doa Memohon Keselamatan Dunia dan Akhirat

## TAHUKAH ADIK-ADIK

11-12

- Sayangi Diri, Jauhi Dadah

## KHYRA & KHYRI

13-15

- Ramadhan Tiba

## KISAH NABI

16-17

- Siapa Sebenarnya Musuh Kita

## SOAL JAWAB AGAMA

18

- Bersama Ustazah Siti Kasmah

## LEBAI CILIK

19-20

Misteri Ayam Beracon (Bab 4 : Siri13)

## MOTIVASI & INSPIRASI

21

- Motivasi Hebat Bersama Abang Ashadi

## TIP ADIK HEBAT

22

- Meringankan Beban Saudara dengan Bersedekah



## BERSAMA KAK KUSYI

23

- Membaca Jambatan Ilmu

## CINTA RASUL

24

- Amalan Rasulullah SAW dalam 24 jam

## PEDOMAN

25

- Fatwa: Sakit ketika Puasa, Bolehkah Terus berpuasa?

## KARYA PEMBACA

26-27

- Cerpen : Wardatul Jannah

## FABEL

28-30

- Bersederhana di bulan Ramadhan

## SAYA SUKA BACA JAWI

31-33

- Bersama Pak Syarif

## BELAJAR BAHASA MANDARIN

34-35

- Tema : Aidilfitri, Aidiladha

## BORANG LANGGANAN

36

- Iklan Langganan Pendidik

## BORANG KAJI SELIDIK

37

- Borang Kaji Selidik Pembaca Pendidik

## TEKA SILANG KATA

38

- Teka Silang Kata

## PERADUAN MEWARNA

39

- Tema : Raya

## PERMAINAN UJI IQ

40-41

- Permainan Uji IQ



Oleh: Ustazah Siti Kasmah

# Sifat Pemurah Amalan Rasulullah SAW

Daripada Ibnu Abbas RA katanya bahawa:

*“Rasulullah SAW adalah seorang yang sangat pemurah kepada orang lain, lebih-lebih lagi pada bulan Ramadhan ketika Baginda didatangi oleh Jibril AS. Jibril AS datang berjumpa Baginda pada setiap malam lalu mengajar al-Quran kepada Baginda. Sesungguhnya, Baginda bersifat mulia dan bersegera melakukan kebaikan umpama angin yang bertiup kencang.”*

*(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)*

Kesimpulan yang dapat kita ambil ialah:

- Orang yang berpuasa digalakkan supaya membaca al-Quran dan melakukan ibadat-ibadat untuk menambah pahala.
- Sedekah yang afdhal ialah bersedekah pada bulan Ramadhan sama ada berupa makanan, wang ringgit, pakaian dan lain-lain.
- Islam mengalakkan supaya kita bersegera dan berlumba-lumba dalam melakukan kebaikan.





# Ramadhan

Ahmad sedang tekun bermain tab sambil menunggu si ibu menyiapkan juadah berbuka puasa sekeluarga

Ahmad, mari tolong ibu sekejap.

Ahmad dengar tak ibu panggil tadi?

Ibu ni kacau je. Ahmad dah nak menang tadi dah... Tengok dah kalah.

Ahmad ni berpuasa ke tak? Ibu tengok dari tadi asyik dengan tab

Ahmad puasa la ibu. Ahmad bosan ni... Lambat lagi nak berbuka, Ahmad haus ni.

Aik? Tadi ibu tengok masa dengan tab bersemangat. Ni haus pulak?

Ahmad tengah lumba kereta ni.

Ahmad sayang, orang yang berpuasa kena lakukan aktiviti yang bermanfaat baru dapat pahala.

Ayah tak bagi untuk main game. Apa ayah pesan tadi?

Main suka-suka je ayah. Isi masa.

Ayah yang bagi tab ni kat Ahmad.

Orang yang berpuasa tak boleh buat perkara yang sia-sia, termasuk main game ni. Banyak perkara yang bermanfaat boleh dibuat.

Mari sini dua beranak tolong ibu uli kuih ni. Cepat siap cepattah kerja ibu selesai.

Hahaha, betul tu... Jom ayah tolong ibu. Barulah dikatakan rumahku syurgaku.

Habis kita nak buat apa sekarang?



Oleh: Abe Kamil  
**ADAB ISLAMIAH**

# Adab Ketika Berbuka Puasa

Assalamualaikum adik-adik, puasa tak hari ini? Harapnya dapat bertahan sehingga waktu berbuka ya. Bulan Ramadhan ini bukan sekadar menahan lapar dan dahaga. Tetapi menahan diri kita daripada melakukan perkara-perkara yang melalaikan. Bulan Ramadhan ini juga adalah bulan bonus untuk kita menambah pahala dan juga kebaikan.

Pasti semua adik-adik tidak sabar menunggu waktu berbuka puasa, kan? Ada 5 adab-adab ketika adik-adik berbuka puasa nanti:

- Segera berbuka apabila masuk waktu, iaitu jangan melambatkan waktu berbuka.
- Membaca doa ketika berbuka puasa.

اللَّهُمَّ لَكَ صُئِمْتُ وَبِكَ آمَنْتُ وَعَلَى  
رِزْقِكَ أَفْطَرْتُ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

*"Ya Allah bagi Engkau aku berpuasa dan dengan Engkau beriman aku dengan rezeki Engkau aku berbuka dengan rahmat Engkau wahai yang Maha Pengasih dan Penyayang."*

- Berbuka dengan kurma atau manisan.
- Tidak membazir makanan dan tidak makan terlalu banyak sehingga mengganggu ibadat selepas berbuka.
- Menyegerakan solat Maghrib dan melakukan ibadat sunat lain seperti solat sunat tarawih, tadarus al-Quran, qiamullail dan sebagainya.

Semoga adik-adik semua mendapat manfaat daripada adab-adab yang telah diberikan. Selamat Mencuba!





# Hikmah Berpuasa di Bulan Ramadhan

*Firman Allah SWT yang bermaksud:*

*"Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan ke atas orang-orang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertaqwa"*

*(al-Baqarah: 183)*

Adik-adik yang dikasihi sekalian, ayat di atas menunjukkan bahawa Allah SWT telah mewajibkan puasa terhadap sebagai umat Islam. Kewajipan berpuasa ini hanya dikhususkan pada bulan Ramadhan sahaja dan tidak diwajibkan pada bulan-bulan yang lain.

Adik-adik ingin tahu tak apa maksud berpuasa?

Berpuasa ialah menahan diri daripada makan dan minum serta menahan dirinya daripada perkara-perkara yang membatalkan puasa bermula daripada terbit Fajar hingga terbenam matahari. Seseorang yang ingin berpuasa mestilah disertakan dengan niat untuk berpuasa.

Banyak Faedah dan juga hikmah kepada mereka yang berpuasa antaranya memberi kesedaran kepada hati orang yang beriman bahawa dirinya berada di bawah perhatian Allah SWT. Hal ini akan membuatkan seseorang itu dapat meningkatkan keyakinan serta keimanannya terhadap Allah SWT.

Bulan Ramadhan memberi banyak peluang kepada umat Islam untuk mendapat keampunan dan menambah pahala yang dijanjikan oleh Allah SWT. Sebagai contoh, pada bulan ini disunatkan kepada umat Islam untuk melakukan solat malam (sembahyang tarawih) dengan ganjaran yang banyak. Terdapat juga malam lailatulqadar yang lebih baik daripada seribu bulan.

Selain itu juga berpuasa selama sebulan pada bulan Ramadhan ianya dapat memberi kerehatan terhadap organ pencernaan dan juga perut kita. Ianya dapat membantu mengeluarkan sisa makanan daripada dalam tubuh serta memperkuat badan kita.



Oleh: Samhani Ismail

**ANATOMI/PERUBATAN**

# Sujud

## Rahmat Allah SWT untuk Kita

*Bismillahirrahmanirrahim.*

Alhamdulillah... Segala puji hanya layak bagi Allah SWT Tuhan Sekalian Alam.

Sudahkah adik-adik mengerjakan solat pada hari ini? Jikalau sudah, alhamdulillah. Semoga Allah SWT menerima solat tersebut sebagai amalan soleh pemberat timbangan pahala, insya-Allah.

Apa yang adik-adik rasa setelah mengerjakan solat? Tenangkan? Solat bukan sahaja amalan zikir dengan lidah semata, malah solat melibatkan pergerakan fizikal tubuh badan kita iaitu berdiri tegak menghadap kiblat, mengangkat takbir, rukuk, sujud, duduk dan pergerakan-pergerakan ini dilakukan secara tertib dan berulang-ulang sehinggalah salam dilafazkan sebagai penyudah. Pergerakan-pergerakan di dalam solat mengandungi falsafah yang tinggi, begitu juga bacaan-bacaan di dalamnya.

Satu pergerakan yang ingin difokuskan pada hari ini ialah mengenai sujud. Sujud ialah lambang ketundukan dan penyerahan kita sebagai hamba Allah SWT. Lambang penyerahan diri yang paling mendalam dan merupakan signal perhambaan yang paling sempurna bagi menyatakan kehinaan kita sebagai manusia kepada ketinggian Allah SWT. Ini kerana semasa bersujud, kita membiarkan anggota tubuh yang paling mulia iaitu wajah untuk menyentuh ke lantai, posisi paling rendah berbanding pinggul, dada dan anggota-anggota lain.

Perbuatan sujud justeru mendidik kita agar tidak terlalu sombong, bongkak dan bermegah diri sebagai status 'sebaik-baik ciptaan', kerana Allah SWT mencela golongan sebegini seperti Allah SWT melaknat iblis akibat kesombongannya yang enggan bersujud kepada Nabi Adam AS.

*"Hanya kepada Allahlah sujud patuh segala yang ada di langit dan di bumi, baik dengan kemahuan sendiri atau terpaksa, dan sujud pula bayang-bayangnya di waktu pagi dan petang."*

*(Surah Ar-Ra'du: ayat 15)*

Begitulah Allah SWT memuliakan perbuatan sujud dengan mencatatkannya beberapa kali di dalam kitab al-Quran. Apabila diteliti dalam konteks sains dan kesihatan, banyak faedah yang kita peroleh melalui perbuatan bersujud.

Seorang pakar Neurosains dari Amerika, Dr. Fidelma O'leary mendakwa bahawa beberapa saraf di otak manusia tidak boleh dialiri oleh darah kerana posisi jantung yang berada di dada tidak cukup kuat untuk menampung penghantaran darah ke otak. Padahal, otak memerlukan oksigen serta bekalan darah yang mencukupi untuk berfungsi dengan sempurna. Jika bekalan darah berkurangan, ini akan mengakibatkan masalah kesihatan seperti strok dan lumpuh, justeru rutin harian yang memerlukan darah dihantar ke otak adalah sangat penting. Beliau berterusan mengkaji fenomena ini yang dirasakan pelik bagi beliau sehingga akhirnya persoalan beliau



**Pendidik**



terjawab. Darah boleh mengalir ke segenap inci otak manusia dengan sempurna apabila seseorang itu melakukan sujud seperti sujud yang dilakukan oleh orang-orang Islam semasa bersolat.

Penemuan ini mengujakan beliau. Apabila bersujud, maka posisi otak berada lebih rendah daripada jantung lalu membolehkan darah dipam dengan mudah. Maka, otak mendapat bekalan oksigen dan darah yang mencukupi lalu terhindarlah penyakit seperti migrain, tekanan, strok, malah boleh menyegarkan otak serta menajamkan fikiran individu. Akhinya, Dr. (PhD Neurosains) daripada St. Edward University ini memeluk agama Islam.

Di samping itu, sujud juga merupakan satu aktiviti yang penting bagi membumikan radiasi yang berada di tubuh iaitu dengan mengalirkannya ke bumi. Sujud mampu meneutralkan radiasi yang diserap oleh tubuh yang boleh mendatangkan bahaya jika pengumpulannya di dalam badan adalah tinggi, terutama sekali di otak.

Selain itu, amalan bersujud oleh wanita mengandung mampu membetulkan posisi anak di dalam kandungan, justeru wanita-wanita digalakkan untuk banyak bersujud, bersolat dan berdoa agar memberi kelahiran yang baik dan selamat. Sujud juga baik untuk membantu memperbanyakkan susu bagi wanita hamil.

Sujud juga dapat memulihkan kesihatan mental pada individu. Apabila bersujud, banyak darah yang akan mengalir ke otak. Otak ialah tempat untuk merancang dan membuat keputusan. Justeru dengan adanya bekalan oksigen yang mencukupi, keadaan ini

membantu individu membuat keputusan yang waras, tenang dan tepat tanpa dipengaruhi oleh nafsu dan emosi. Kewarasan berfikir ini juga memberi ketenangan kepada pemikiran sekaligus menghalau beban-beban emosi yang boleh mengheret manusia ke lembah maksiat dan dosa. Ketenangan dan kewarasan yang diperolehi bukan sahaja memberi manfaat kepada kesihatan fizikal, malah kesihatan mental dan emosi turut dapat mengecapi kemanisan juga.

Justeru, saranan Baginda Rasulullah SAW agar memperbanyakkan sujud dan melakukan sujud dengan lama amat tepat untuk kebaikan kita semua. Di samping itu, dengan berdoa dan menyatakan harapan kepada Allah SWT di dalam sujud yang panjang itu, keyakinan bahawasanya Allah SWT akan mengabulkan permintaan dan doa-doa kita sekali gus memberikan kita ketenangan dan kekuatan untuk menghadapi kehidupan yang penuh ujian ini.

Syukur alhamdulillah, kita dihidupkan di dalam Islam. Islam adalah agama yang penuh rahmat dan nikmat. Banyak kebaikan yang Allah SWT berikan kepada kita hamba-Nya. Maka, turutilah jalan yang telah Dia tetapkan melalui kitab-Nya dan Nabi-Nya. Semoga kita sentiasa dipandu oleh-Nya dan dilindungi-Nya. Amin, amin, ya Rabbal a'lamin.





Oleh: Durratun

SAINS TEKNOLOGI & ALAM SEKITAR

# BURUJ

Kita dapat melihat berjuta-juta bintang bertaburan di langit pada waktu malam. Ada di antara bintang-bintang tersebut seolah-olah tersusun rapi dan membentuk corak-corak tertentu dan berbeza-beza. Corak yang terbentuk daripada susunan bintang inilah dinamakan sebagai buruj.

Contoh-contoh buruj yang biasa dapat dilihat ialah:



Pari

Belantik

Biduk

Skorpio

Corak-corak yang terhasil daripada susunan bintang-bintang ini sebenarnya membawa maksud tersendiri.

## Jenis-jenis Buruj

BURUJ	CORAK	WAKTU KELIHATAN	ARAH YANG DITUNJUKKAN
Pari	Sebuah palang bersilang atau tanda salib	April hingga Jun, antara jam 8 malam hingga 10 malam	Kutub Selatan
Belantik	Seorang pemburu atau pemanah yang memakai tali pinggang dan pedang	Jun hingga Ogos, antara jam 8 malam hingga 10 malam	Kutub Utara
Biduk	Berbentuk seperti senduk	April hingga Jun, antara jam 8 malam hingga 10 malam	Kutub Utara
Skorpio	Seekor kala jengking	Disember hingga Februari	-

## Kegunaan Buruj

Pada zaman dahulu, sebelum penemuan teknologi seperti zaman sekarang, buruj mempunyai pelbagai fungsi. Antaranya adalah sebagai penunjuk arah kepada pelayar ketika membuat pelayaran.



Orang zaman dahulu juga menggunakan buruj untuk menentukan masa yang sesuai untuk aktiviti bercucuk tanam dan proses menuai. Bagi umat Islam, buruj digunakan sebagai panduan untuk menentukan arah kiblat. Buruj yang digunakan ialah buruj Belantik dengan berpandukan tiga bintang yang berderetan iaitu Mintaka, al-Nilam dan al-Nitak.

**ZODIAK** terdiri daripada gugusan buruj atau 12 bintang yang terletak di sepanjang lingkaran matahari. Setiap 12 zodiak mewakili setiap bulan dalam setahun.

*"Maha suci Allah SWT yang telah menjadikan di langit gugusan bintang dan menjadikan padanya matahari serta bulan yang menerangi."*  
(Surah al-Furqan : ayat 21)

### TAHUKAH ADIK-ADIK?

Perkataan buruj berasal daripada istilah Arab iaitu "burj".

ZODIAK	LAMBANG
Aries	Kambing Biri - biri
Taurus	Lembu Jantan
Gemini	Si Kembar
Cancer	Ketam
Leo	Singa
Virgo	Gadis
Libra	Dacing
Scorpio	Kala Jengking
Sagittarius	Si Pemanah
Capricorn	Kambing laut
Aquarius	Pembawa Air
Pisces	Ikan

Sumber: Ensiklopedia Sains dan al-Quran untuk kanak-kanak: Aras Mega Sdn. Bhd  
Sains untuk kanak-kanak: E-media Publication Sdn. Bhd

Pendidik

9



## MEMOHON KESELAMATAN DUNIA DAN AKHIRAT

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ الْعَفْوَ وَالْعَافِيَةَ  
فِي الدِّينِ وَالدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ



Ertinya: "Ya, Allah! Kami minta ampun kepada-Mu dan kesejahteraan agama di dunia dan akhirat."

Oleh: Abe Kamil

Tahukah  
Adik-adik

# Sayangi Diri, Jauhi Dadah!



Pernahkah adik-adik mendengar tentang apa itu dadah?  
Tahukah adik-adik, apakah kesan penyalahgunaan dadah terhadap tubuh badan kita? Adik-adik, dadah atau 'drug' lazimnya diertikan sebagai ubat-ubatan. Dadah juga bermaksud bahan yang digunakan untuk merawat penyakit, mengurangkan simptom atau mengubah suai proses kimia dalam tujuan yang tertentu.

Daripada sudut agama, dadah juga dibincangkan secara khusus. Adik-adik, dalam al-Quran, istilah *khamar* yang diharamkan digunakan bagi semua benda yang memabukkan atau yang boleh menghilangkan fikiran. Oleh yang demikian, dadah boleh dikategorikan sebagai satu jenis *khamar* kerana boleh memabukkan, mengkhayalkan dan menyebabkan ketagihan.



Adik-adik, terdapat banyak kesan negatif yang akan timbul sekiranya seseorang itu terlibat dalam penyalahgunaan dadah. Kesan dadah mampu memusnahkan kebahagiaan dan masa depan seseorang. Apabila seseorang menagih, aktiviti seharian mereka akan terganggu akibat daripada otak dan badan mereka yang menjadi semakin lemah. Penagih dadah juga akan merosakkan nasab keturunan mereka, sekali gus mencemarkan nama baik keluarga mereka.

Pendidik



Selain itu, adik-adik, penagih dadah akan mengalami masalah kesihatan yang serius jika tahap ketagihan mereka terhadap dadah melampaui batas. Antaranya, mereka akan mengalami masalah jantung, tekanan darah tinggi, hilang fokus terhadap sesuatu pekerjaan dan sebagainya. Oleh itu, ketahuilah adik-adik, dadah merupakan pemusnah dalam hidup kita sekiranya disalahgunakan. Allah SWT telah berfirman:

*"Janganlah kamu membunuh diri kamu kerana sesungguhnya Allah SWT Maha Belas Kasihan kepada kamu."*

*(Surah an-Nisa:29)*

Adik-adik, jelaslah bahawa penyalahgunaan dadah akan membinasakan diri kita sendiri. Oleh itu, adik-adik perlu mempersiapkan diri adik-adik dengan ilmu pengetahuan yang luas agar adik-adik dapat menghindari diri daripada terjebak dalam penyalahgunaan dadah. Sekian, Assalamualaikum dan jumpa lagi.



## Ramadhan Tiba

Khyra & Khyri











Oleh: Umi Na

## Siapa Sebenarnya Musuh Kita?

**P**emahkah adik-adik mendengar peribahasa 'Berkawan biarlah beribu, bermusuh jangan sekali?' Ya adik-adik, Islam mahukan setiap umatnya menjaga perhubungan di antara satu sama lain kerana hubungan antara sesama manusia dan hubungan dengan Tuhan sangat penting dalam menjamin kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat. Tahukah adik-adik, manusia di dunia ini sebenarnya mempunyai musuh dan sentiasa dimusuhi? Ya adik-adik, syaitan dan iblis adalah musuh manusia sejak azali. Kewujudannya diceritakan oleh Allah SWT melalui Rasul-Nya.

Kisahanya bermula semenjak manusia pertama diciptakan iaitu Nabi Adam AS yang kemudian ditempatkan bersama isterinya Hawa di dalam syurga. Mereka sangat berdendam terhadap Nabi Adam AS yang membawa kepada cita-cita keji bagaimana untuk mengusir Adam AS dan Hawa daripada syurga. Syaitan telah mengumpankan Adam AS dan Hawa untuk memakan buah khuldi yang dilarang oleh Allah SWT. Akibat terpedaya dengan pujuk rayu syaitan itu, Nabi Adam AS dan isterinya Hawa akhirnya memakan buah itu sedangkan Allah SWT telah memberi peringatan agar jangan sekali-kali mendekati pokok tersebut apatah lagi memakan buahnya. Maka setelah tersedar bahawa mereka telah melakukan kesalahan besar, menangislah Adam AS dan Hawa semahu-mahunya kerana menyesal dengan kesilapan yang mereka lakukan. Akibatnya, Adam AS dan Hawa telah dikeluarkan daripada syurga dan diturunkan ke dunia.

Adik-adik, mengapakah iblis dan syaitan terlalu membenci dan memusuhi manusia? Ya, kerana mereka menganggap bahawa diri mereka

jauh lebih istimewa, mulia dan hebat daripada kejadian manusia. Iblis dan syaitan dijadikan daripada api sedangkan manusia dijadikan daripada tanah. Firman Allah SWT dalam surah al-Kahf ayat 50, bermaksud: "*Dan (ingatkanlah peristiwa) ketika kami berfirman kepada malaikat: "Sujudlah kamu kepada Adam"; lalu mereka sujud melainkan Iblis; ia adalah berasal dari golongan jin, lalu ia menderhaka terhadap perintah Tuhannya."*

Dalam menjalani kehidupan seharian, banyak perkara yang menjadi perangkap syaitan dan kita perlu sentiasa berjaga-jaga daripadanya? Antara perkara yang perlu kita selalu ingat ialah:

1. Iblis dan syaitan tidak suka melihat manusia melakukan ibadah dan perkara ketaatan

Di bulan Ramadhan yang mulia ini seandainya terdetik di hati adik-adik rasa malas berpuasa, malas bersolat, melawan ibu bapa dan guru-guru, itu tandanya adik-adik telah termakan hasutan iblis dan syaitan yang mahu adik-adik menderhaka sepertimana mereka. Awas adik-adik, kuatkan iman untuk melawan godaan syaitan tersebut.

2. Bersikap boros dan suka membazir

Adik-adik, sifat suka membazir adalah sikap yang amat hina di sisi Allah SWT sehingga Allah SWT mempersaudarakan orang yang membazir itu dengan syaitan. Hal ini kerana dalam diri orang yang membazir itu ada perasaan takbur yang merasakan dirinya mempunyai kelebihan serta ingin menunjuk-nunjuk.

3. Panjang angan-angan

Adik-adik, syaitan sememangnya suka jika kita sentiasa berangan-angan. Allah berfirman, bermaksud: "*Syaitan memberikan janji dan*



*membangkitkan angan-angan kosong kepada mereka, walhal syaitan itu tidak menjanjikan kepada mereka selain daripada tipu daya belaka. Tempat mereka itu di neraka Jahanam dan mereka tidak memperoleh tempat untuk lari daripadanya.”*  
(Surah An-Nisa: 120-121).

#### 4. Memiliki sifat mazmumah

Sifat mazmumah amat berbahaya jika menyerang hati manusia. Ia lebih berbahaya berbanding penyakit fizikal yang nampak. Antara sifat mazmumah yang selalu dijadikan perangkap oleh syaitan dan iblis ialah hasad dengki, dendam, sombong, riak, ujub, kedekut, khianat dan banyak lagi. Ya adik-adik setiap sifat buruk ini sekiranya ada pada diri manusia maka ia menjadi pintu masuk kepada syaitan untuk merosakkan manusia tersebut.

#### Senjata Menghalang Syaitan:

1. Membaca bismillah dan doa dalam setiap perkara yang hendak dilakukan.

Adik-adik, setiap perkara yang ingin dilakukan mestilah dimulakan dengan bismillah dan doa. Contohnya, ketika masuk dan keluar tandas kerana tandas adalah rumah syaitan. Begitu juga kita disuruh oleh Rasulullah SAW supaya membaca doa ketika hendak makan dan minum kerana banyak hadith yang menjelaskan tentang adab-adab ketika makan dan minum.

2. Membaca Istia'zah (قَدْ اجْتَسَلْنَا) Memohon Perlindungan Allah SWT

Jalan selamat dari kejahatan syaitan adalah berlindung kepada Allah SWT dan meminta perlindungan Allah SWT. Oleh itu, adik-adik hendaklah selalu membacanya supaya terlindung dari syaitan dan iblis.

3. Banyakkan zikir dan istighfar

Berzikir dan beristighfar adalah senjata ampuh untuk melawan hasutan syaitan kerana zikir dan istighfar menunjukkan bahawa seseorang manusia itu sentiasa mengingati Allah SAW dan sentiasa memohon keampunan daripada Allah SAW sedangkan Allah SAW itu Maha Pengampun. Justeru adik-adik, basahkanlah selalu bibir kita dengan berzikir kepada Allah SAW dan beristighfar kepadanya.

4. Berpuasa

Ya adik-adik, orang yang benar-benar menghayati ibadah puasa maka kesannya akan dapat melemahkan nafsu kerana dengan berpuasa kita akan sibuk dengan perkara kebaikan dan amal soleh seperti solat terawih, membaca al-Quran, bersedekah dan sebagainya.

Kesimpulannya, terdapat banyak pesanan Rasulullah SAW yang mengingatkan kita untuk sentiasa berwaspada dan berhati-hati terhadap perangkap dan tipu daya syaitan dan iblis kerana syaitan dan iblis adalah makhluk yang sungguh licik. Mereka akan berusaha menggunakan apa sahaja umpan yang sesuai dengan mangsa yang hendak diperangkapnya.

## Soal Jawab Agama



Oleh: Ustazah Siti Kasmah

- Assalamualaikum ustazah. Saya ingin bertanya, bolehkah puasa Qada' disekalikan dengan puasa sunat Syawal?



Walaikumussalam. Jika anda bertanya manakah yang lebih baik antara puasa sunat Syawal dan puasa Qada', jawapannya adalah puasa Qada'. Ini terbukti dari hadis Qudsi yang sahih artinya:

*"Tidak hampir kepada-Ku orang yang ingin hampir kepada-Ku sebagaimana apabila mereka melaksanakan amalan fardhu mereka, dan sentiasalah mereka ingin menghampirkan diri mereka kepada-Ku dengan mengerjakan amalan sunat sehinggalah Aku kasih kepadanya..."*

(Riwayat al-Bukhari)

Amat jelas hadis ini menjelaskan bahawa amalan fardhu atau wajib adalah lebih utama di sisi Allah SWT sebelum melakukan amalan sunat. Wallahu'alam.

- Assalamualaikum ustazah. Saya ada pertanyaan, adakah wajib membasuh setiap anggota wudhuk sebanyak tiga kali?

Walaikumussalam. Basuhan wudhuk adalah wajib sekali sahaja, manakala diulang sebanyak 3 kali adalah sunat. Ini adalah perbuatan dan sunnah Nabi dalam mengambil wuduk. Wallahua'lam.



- Assalamualaikum, ustazah. Kenapa kita diwajibkan berpuasa di bulan Ramadhan?

Walaikumussalam. Allah SWT berfirman dalam surah al-Baqarah ayat 183 yang bermaksud: *"Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan atas orang-orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertakwa"*. Demikianlah kenapa Allah SWT perintahkan kita agar melaksanakan ibadah puasa yang termasuk dalam rukun Islam. Dengan berpuasa melatih diri kita dari segi jasmani dan rohani kerana ia bukan sekadar menahan lapar dan dahaga malah dari sudut rohani menahan nafsu dan menjagaperibadi selaras dengan tuntutan agama. Apabila kita melaksanakan rukun Islam ini, Allah SWT telah menjanjikan pengampunan dosa. Begitulah hebatnya keistimewaan yang dijanjikan Allah SWT kepada hamba-Nya apabila berpuasa di bulan Ramadhan. Oleh itu, jadikanlah Ramadhan ini sebagai bulan untuk memantapkan keimanan untuk mendapatkan kecemerlangan dunia dan akhirat.





## Misteri Ayam Beracun

Lelaki itu kemudiannya menampal beberapa pelekat dengan nombor telefon bimbit pada pokok itu. Selepas berbuat demikian, dia meninggalkan tempat berkenaan tanpa mengatakan sesuatu apa pun.

"Pinjaman bisnes?" Alif membaca tulisan yang tercetak pada pelekat itu.

"Lelaki itu ah long," kata Pak cik Johari.

"Ah long? Maksud pak cik, ceti haram?" soal Alif.

"Mmm," Pak cik Johari menganggukkan kepalanya.

Nusaibah ketawa kecil, lalu bertanya, "Kenapa dia tampal nombor telefon dia pada pokok?"

Pak cik Johari menjawab, "Bukan hanya pada pokok, malah di merata-rata tempat. Kadang-kadang itu, tanda jalan penuh dengan pelekat seperti ini."

Rezan menggelengkan kepalanya. Dia kemudiannya memandang ke arah Pak cik Johari, lalu bertanya, "Pak cik tidak meminjam daripada dia, bukan?"

"Eh, awak ini tidak senonoh betullah! Buat apa pak cik hendak pinjam daripada dia? Jika pak cik tidak ada duit sekalipun, pak cik takkan pinjam daripada ah long," ujar Pak cik Johari.

"Mmm," Rezan tersipu-sipu berbau rasa gementar selepas mendengar jawapan daripada Pak cik Johari.

Selepas itu, ada seorang wanita tua yang bertandang ke gerai Pak cik Johari.

"Dik, kakak hendak nasi dagang," wanita itu berkata kepada Pak cik Johari.

"Maaf, kak. Saya tidak jual nasi dagang. Saya cuma jual nasi lemak. Apa kata kakak cuba nasi lemak saya?" Pak cik Johari cuba melariskan jualan nasi lemaknya.

"Mmm... jika begitu, kakak hendak nasi goreng," ujar wanita itu.

Pak cik Johari terkejut, lalu menjawab dengan baik, "Saya tidak jual nasi goreng ataupun nasi dagang, kak. Gerai saya ini hanya menjual nasi lemak. Itu sahaja."

"Tidak menjual nasi goreng?" soal wanita tua itu sekali lagi.

Dalam pada itu, Rezan geli hati melihat gelagat Pak cik Johari melayan kerenah wanita itu.

"Mmm," Pak cik Johari menggelengkan kepalanya sebagai respon kepada pertanyaan wanita berkenaan.

"Jika begitu, kakak hendak beli kuihlah," kata wanita itu.

"Eh, dia ini tidak fahamkah? Gerai saya ini tidak menjual makanan lain... nasi lemak sahaja," hati Pak cik Johari berdesis.

Pak cik Johari menoleh ke arah Nusaibah, lalu berkata, "Saiba, tolong bawakan sekotak air untuk mak cik ini."

"Air apa, pak cik?" tanya Nusaibah.

"Tidak kisahlah air apa sekalipun," balas Pak cik Johari yang sudah tidak larat hendak melayan kerenah wanita yang kelihatan lemah itu.

"Baiklah, pak cik," Nusaibah bergegas ke kotak besar yang di dalamnya mengandungi air kotak pelbagai perisa.

Di dalam bekas itu, terdapat berketul-ketul ais yang bertujuan memastikan air sentiasa sejuk untuk dinikmati oleh para pelanggan, terutamanya semasa cuaca panas.

Nusaibah kemudiannya menyerahkan air kotak berperisa oren kepada Pak cik Johari.

"Kak, ambillah air ini," Pak cik Johari menyerahkan air kotak itu kepada wanita berkenaan.

"Kakak bukan hendak air kotak. Kakak hendak nasi ayam," ujar wanita itu.

"Eh, mula-mula kata hendak nasi dagang. Kemudian tukar nasi goreng. Sekarang, mahu nasi ayam?" hati Rezan berdesis.

"Tidak apalah, kak. Kakak ambillah air ini," kata Pak cik Johari.

"Kakak tidak mahu bayar untuk air ini," balas wanita itu.

"Jangan risau, kak. Kakak tidak perlu bayar. Ini ikhlas daripada saya," kata Pak cik Johari.

"Betulkah?" mata wanita itu bersinar-sinar.

"Ya, kak... betul," Pak cik Johari menekan suaranya.

"Baik," wanita tersebut mengambil air kotak itu daripada tangan Pak cik Johari.

Dia kemudiannya terus melangkah pergi dan kelihatan gembira sekali.

"Siapa itu, pak cik?" tanya Alif.

"Entahlah, pak cik pun tidak tahu," jawab Pak cik Johari.

"Oh, sebelum ini, pak cik tidak pernah melihatnya?" soal Alif lagi.

"Tidak," Pak cik Johari masih memerhatikan wanita tua itu berjalan ke arah stesen minyak.

"Entah-entah orang yang tidak waras," kata Rezan.

"Ish, tidak baik awak cakap begitu. Entah-entah dia kelaparan. Sebab itulah dia keluar cari makan," Alif tidak suka apabila mulut Rezan begitu senang menuturkan perkara seperti itu.

"Mmm... mungkin juga," Rezan tersenyum kecil.

"Ah, sudahlah. Ada pelanggan datang itu. Mungkin mereka hendak bungkus nasi lemak," Pak cik Johari menunjuk ke arah tiga orang lelaki yang memakai seragam berwarna putih dan hijau.

Mereka semua melayan pelanggan yang datang. Selepas tiga orang lelaki itu meninggalkan gerai Pak cik Johari, beberapa orang lagi datang membeli nasi lemak.

Tiba-tiba, Alif menepuk dahinya sendiri, "Alamak, terlupalah!"

"Apa yang awak lupa, Alif?" soal Pak cik Johari yang terperanjat dengan tindakan dan kata-kata Alif itu.

"Sekarang sudah jam tiga setengah," kata Alif.

"Jadi?" Pak cik Johari kurang mengerti.

"Kita semua belum solat Zohor lagi," ujar Alif.

"Eh, yalah. Saiba pun terlupa. Syukurlah Abang Alif ingat," kata Nusaibah.

Seperti abangnya, Nusaibah juga tidak suka melengah-lengahkan solat.

"Mmm... pak cik selalu solat di mana?" tanya Alif.

"Mmm," Pak cik Johari memandang ke kiri dan kanan.

Dia kelihatan serba salah.

"Pak cik, di mana boleh kita bersolat?" Alif sekali lagi bertanya apabila Pak cik Johari mendiamkan dirinya.

"Sebenarnya," Pak cik Johari menggaru telinganya.

Sejenak kemudian, Pak cik Johari berterus terang, "Sebenarnya, pak cik solat secara pakej."

"Solat secara pakej? Apa itu, pak cik?" Alif hairan mendengar istilah yang tidak pernah didengarnya sebelum itu.

"Solat apa secara pakej?" hati Alif tertanya-tanya.

"Pak cik solat di rumah sahaja, selepas tutup kedai," ujar Pak cik Johari.

"Solat di rumah? Pukul berapa pak cik bersolat?" Nusaibah bertanya.

"Jam enam," balas Pak cik Johari.

"Jam enam? Maksud pak cik, untuk solat Asar?"

Alif terus menyoal, menyebabkan Pak cik Johari makin tidak selesa.

"Mmm," Pak cik Johari menganggukkan kepalanya.

"Jadi, pukul berapa pak cik solat Zohor?" tanya Alif lagi.

Pak cik Johari mengeluh, lalu menjawab, "Bukankah pak cik sudah beritahu tadi? Pak cik sebenarnya solat secara pakej. Pada jam enam itu, pak cik kumpulkan solat Zohor dan Asar."

"Eh, mana boleh, pak cik. Kita bukannya sedang bermusafir lebih daripada dua marhalah," Alif menafikan kata-kata Pak cik Johari yang dianggapnya bersalahan dengan hukum Islam itu.

"Tidak apa... pak cik darurat," ujar Pak cik Johari.

"Darurat? Darurat apa, pak cik?" tanya Alif yang makin bingung dengan 'cara solat' Pak cik Johari.

"Yalah, jika pak cik bersolat, siapa yang hendak jaga kedai?" Pak cik Johari memberikan alasan.

"Tetapi bukannya tadi saya boleh tolong jaga kedai semasa pak cik pergi mengambil makanan dengan

Rezan?" kata-kata Alif membuatkan Pak cik Johari berasa buntu... tidak tahu apa yang hendak dijawab.

"Eh, mengada-ngada budak kecil ini. Hendak berlagak alim!" bentak hati Pak cik Johari.

Apabila Pak cik Johari mendiamkan dirinya, Alif menyambung, "Kita mesti solat dalam waktunya, pak cik. Zohor semasa Zohor... Asar semasa Asar... dan seterusnya."

Pak cik Johari mereka alasan lain, "Seluar pak cik kotor."

"Kotor terkena apa, pak cik?" soal Alif.

"Mmm... mmm," Pak cik Johari tidak tahu lagi apa yang hendak dijawab.

Alif kemudiannya mencadangkan penyelesaian, "Pak cik, apa kata kita bersolat secara bergilir-gilir?"

"Maksud awak?" soal Pak cik Johari.

"Begini, pak cik. Biar saya dan Saiba pergi solat dahulu. Kemudian, apabila kami selesai, pak cik dan Rezan boleh bersolat. Biar kami jaga kedai," itulah cadangan Alif.

"Mmm... ikut suka hati awaklah," balas Pak cik Johari acuh tak acuh.

"Tapi kami hendak solat di mana ya, pak cik?" soal Nusaibah.

"Mmm," Pak cik Johari terpinga-pinga.

"Eh, apa kena dengan Pak cik Jo, ini. Tidakkah selama dia buka gerai ini, dia tidak pernah bersolat?" Rezan yang kadangkala liat bersolat itu juga hairan dengan perilaku Pak cik Johari.

Apabila dia melihat Pak cik Johari seperti mencari-cari jawapan bagi soalan itu, Rezan menyampuk, "Alif... Saiba, awak berdua bersolat di surau sekolah sahajalah."

"Sekolah kita?" tanya Alif.

"Ya," balas Rezan.

"Tidak ada tempat lainkah?" Alif bertanya.

"Manalah saya tahu. Saya pun seperti awak. Ini hari pertama saya bekerja di sini," balas Rezan.

"Jika begitu, baiklah," Alif memandang ke arah Nusaibah.

Alif kemudiannya berkata kepada Pak cik Johari, "Pak cik, kami pergi dahulu, ya. Tetapi mungkin kami lama sedikit kerana terpaksa berjalan ke sekolah."

"Mmm... baiklah. Tapi janganlah awak berdua tunggu sampai solat Asar. Selepas solat Zohor, balik terus ke sini. Solat Asar, boleh solat di rumah sahaja," Pak cik Johari meletakkan syarat.

"Baik, pak cik," Alif menjawab bagi pihak dirinya dan Nusaibah.

Bersambung....

## MOTIVASI HEBAT BERSAMA ABANG ASHADI

Motivasi  
& Inspirasi



Aduh!

Eh, kenapa adik mengaduh? Adik sakitkah?



Tidak, Abang Ashadi. Saya bukan sakit tetapi kepanasan. Panas betul!

Ya, memang cuaca dunia tidak menentu sekarang, dik. Sejak kebelakangan ini, negara kita dilanda gelombang haba. Gelombang haba itulah yang menyebabkan cuaca meningkat. Bahkan, ada beberapa orang yang telah meninggal dunia kerana mengalami strok haba.



Eh, yakah, bang? Sampai begitu sekali?

Ya, dik. Ada yang meninggal dunia. Jadi, kita perlu berwaspada. Ada beberapa perkara yang dapat kita lakukan bagi mengelakkan diri daripada terkena strok haba. Antaranya adalah dengan minum air secukupnya, kurangkan aktiviti luar dan pakai pakaian yang ringan, berwarna terang dan longgar.



Terima kasih atas nasihat abang. Nanti saya akan beritahu kawan-kawan dan jiran-jiran saya.

Bagus, dik. Itulah semangat yang kita mahukan, iaitu saling membantu sesama insan, khususnya sesama Muslim. Apabila semua orang saling membantu dan tidak mementingkan diri sendiri, sudah tentu umat Islam mampu mencapai kecemerlangan dan kegemilangan. Kita juga dapat pahala apabila membantu orang.



Selain itu, apa lagi yang dapat saya lakukan, Abang Ashadi?

Kita mampu menyumbang dengan cara memelihara alam sekitar dan tidak mencemarkan alam. Misalnya dengan menanam pokok, mengamalkan gaya hidup mesra alam, tidak melakukan pembakaran terbuka, mengitar semula dan utamakan penggunaan pengangkutan awam.

## Tip Adik Hebat



# Meringankan Beban Saudara dengan Bersedekah

Adik-adik,

Allah SWT membantu orang yang suka membantu orang lain yang memerlukan bantuan. Bantuan yang diberikan kepada orang lain dengan ikhlas sahaja yang akan diterima oleh Allah SWT. Nabi SAW pernah bersabda: *"Allah SWT akan menolong seorang hamba selama mana hamba itu menolong saudaranya."*

*(Hadith Riwayat Muslim)*

Setiap kebaikan dikira sebagai sedekah dan akan diganjar pahala. Apabila seseorang melakukan kebaikan kepada orang lain sama ada dengan wang, tenaga, nasihat, perkataan, senyuman dan pelbagai lagi, ia dikira sebagai sedekah. Nilai sesuatu kebaikan atau sedekah begitu besar di sisi Tuhan asalkan ia adalah ikhlas.

Adik-adik, tanda sedekah yang ikhlas ialah apabila kita tidak ingat tentang sedekah yang pernah kita hulurkan. Adakah adik-adik masih ingat sedekah yang pernah adik berikan kepada orang lain?

Namun begitu adik-adik, Nabi Muhammad SAW menggalakkan supaya kita mengutamakan sedekah kepada keluarga sebelum bersedekah kepada orang miskin yang lain. Bersedekah kepada ahli keluarga bukan sahaja dapat memberikan kita pahala sedekah. Malahan, kita juga akan mendapat pahala mengeratkan perhubungan persaudaraan.

Jom adik-adik hayati kisah teladan ini. Abu Talhah mahu menyedekahkan kebunnya kerana teruja dengan pahalanya selepas mendengar ayat Allah SWT yang menyeru supaya membelanjakan sesuatu yang dicintai bagi mendapatkan ganjaran kebajikan daripadanya. Apabila dia memberitahu Rasulullah SAW yang dia mahu memberikan kebunnya yang mempunyai telaga dan pohon-pohon tamar itu bagi keperluan orang miskin, Baginda menasihatkannya supaya memberikan kebunnya bagi keperluan kaum kerabatnya.

Begitulah hebatnya peranan sedekah, adik-adik. Sehingakan, Nabi SAW menggalakkan kita untuk mengutamakan kaum keluarga yang susah terlebih dahulu. Sekiranya adik-adik tidak ada wang, bagaimanakah adik-adik hendak bersedekah kepada ahli keluarga? Jom bersedekah!





# Membaca Jambatan Ilmu

Bersama  
Kak Kusyi



Assalamualaikum. Salam rindu di angin lalu.

A dik suka membaca tak?

Membaca ialah hobi yang sangat berguna, adik-adik.

Bukan hanya novel, baca jugalah buku ilmiah.

Baca buku biografi, buku resipi dan buku sejarah.

Percayalah, kalau adik-adik menghayatinya, ia memang menarik.

Membaca juga membuatkan minda kita terbuka dan berkembang.



Oleh: Ustazah Siti Kasmah

# AMALAN RASULULLAH SAW DALAM 24 JAM

## Rasulullah SAW dan Makanan

Tahukah adik-adik, Rasulullah SAW sangat menjaga adab apabila duduk di hadapan makanan. Perbuatan Baginda sangat mulia, dan patut adik-adik contohi. Berikut ialah adab-adab Rasulullah SAW sebelum, semasa dan selepas makan.

### Sebelum Makan:

- Rasulullah SAW memilih makanan dan minuman yang halal, sihat dan dapat menguatkan tubuh badan untuk beribadat.
- Mencuci kedua-dua belah tangan sebelum makan.
- Meletakkan hidangan makanan di atas sufrah (alas makanan).
- Duduk dengan tawaduk, iaitu duduk di atas kedua lututnya atau duduk di atas punggung kedua kaki atau posisi dengan kaki kanan ditegakkan dan duduk di atas kaki kiri.
- Redha dengan apa sahaja makanan yang dihidangkan.
- Makan bersama-sama orang lain sama ada sahabat, tetamu atau ahli keluarga.

### Semasa Makan:

- Rasulullah SAW makan dengan mengucapkan "Bismillah".
- Makan dengan menggunakan tiga jari kanan. Mengurangkan suapan dan melebihi kunyahan.
- Mengambil makanan yang berdekatan dengan Baginda.
- Rasulullah SAW akan membersihkan makanan yang terjatuh dan memakannya.
- Tidak meniup sesuatu makanan yang masih panas, dan tidak memakannya dalam keadaan terlalu sejuk.
- Tidak makan terlalu kenyang sehingga melampaui batas.
- Tidak memandang orang lain ketika makan, takut akan menimbulkan rasa malu dan canggung.
- Mendahulukan tetamu, orang-orang tua dan sahabat dalam mengambil makanannya.
- Menjilat hujung jari-jemarinya sebelum mencuci tangan.

### Selepas Makan:

- Rasulullah SAW mengutip sisa-sisa makanan yang terjatuh agar sentiasa bersih.
- Membersihkan sisa-sisa makanan yang ada disela-sela giginya dan berkumur untuk membersihkan mulutnya.
- Berzikir dan membaca doa sesudah makan.  
Walaahu'lam!

Oleh: Ustazah Taqwa Zabidi

## SAKIT KETIKA PUASA, BOLEHKAH TERUS BERPUASA?



**K**ita bakal merayakan Hari Raya Aidilfitri tidak lama lagi. Tetapi, sudahkah adik-adik sempurnakan ibadah puasa di bulan Ramadhan?

Ramadhan menjelma lagi. Ia merupakan sesuatu yang cukup indah dalam kehidupan seorang Muslim. Jika ada yang belum pernah berpuasa, cubalah pada tahun ini. Kemudian, teruskan pada tahun-tahun yang akan datang. Pasti adik-adik akan melalui satu pengalaman yang berharga demi melengkapkan diri sebagai hamba Allah SWT yang sempurna. Pengalaman singkat ini hanya sebulan daripada 12 bulan dan hanya 30 hari daripada 365 hari dalam setahun. Terlalu banyak manfaat dan ganjaran yang Allah SWT janjikan untuk kita yang berpuasa.

Sememangnya kita akan merasa keletihan tanpa makan dan minum sepanjang hari, tetapi saat bersahur dan berbuka merupakan saat yang tidak dapat kita nikmati pada hari-hari tanpa puasa. Lazimnya, tubuh badan kita akan dapat menyesuaikan diri dengan keadaan berpuasa setelah beberapa hari kita melaksanakannya dan ini mengurangkan rasa letih di siang hari.

Apakah yang akan berlaku sekiranya adik-adik jatuh sakit di bulan Ramadhan? Ya, adik-adik mendapat rukhsah (kelonggaran) untuk berbuka puasa. Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 185, “... dan sesiapa yang sakit atau dalam permusafiran, maka (dibolehkan berbuka) dan digantikan pada hari yang lain...”. Bagi hari-hari yang ditinggalkan untuk berpuasa, ia hendaklah digantikan selepas bulan Ramadhan tersebut sehingga sebelum tibanya bulan Ramadhan akan datang.

Sekiranya jatuh sakit, adik-adik tidak boleh meneruskan berpuasa melainkan jika ia tidak membahayakan diri. Sebagai contoh, sekiranya muntah secara berterusan atas sebab-sebab tertentu yang menyebabkan keletihan yang amat sangat, seseorang itu hendaklah berbuka dan mendapatkan rawatan dengan segera. Walaupun muntah tersebut tidak disengajakan, ia boleh membahayakan kesihatan.

Kemungkinan ada di antara kita yang ingin meneruskan puasa sekalipun jatuh sakit yang sedikit. Terdapat ubat-ubatan dan rawatan perubatan yang boleh digunakan dan ia tidak membatalkan puasa. Contohnya, penggunaan ubat sapuan, balutan atau plaster pada kulit sekiranya terdapat luka pada tubuh. Contoh lain adalah seperti rawatan pergigian dengan syarat adik-adik tidak tertelan apa-apa bentuk pepejal atau cecair ketika menjalani rawatan tersebut. Bagi perkara-perkara lain, adik-adik boleh meminta nasihat daripada ibu bapa atau guru-guru bagi mendapatkan penjelasan yang lebih lanjut.

Apa yang penting, ingatlah bahawa adik-adik boleh berbuka ketika sakit dan menggantikannya pada hari lain. Sekiranya hendak meneruskan berpuasa, pastikan ia tidak membahayakan nyawa dan diri adik-adik. Selain itu, jika ingin mengambil sebarang ubat-ubatan, pastikan ia tidak melanggar perkara-perkara yang membatalkan puasa. Jangan lupa untuk dapatkan nasihat ibu bapa dan mereka yang lebih arif. Selamat berpuasa kepada semua!



Oleh: **Asyiq Azhad**

## WARDATUL JANNAH

**N**amaku Ramadhan. Aku dilahirkan dan dibesarkan di Yayasan Anak-anak Yatim Wardatul Jannah, Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan. Usiaku 10 tahun. Aku telah kehilangan kedua ibu bapakku sejak aku berusia 4 tahun. Di sinilah tempat aku menumpang kasih, belajar menguruskan diri, bersosial dan menghargai setiap nikmat kehidupan. Rutin harianku sama seperti kanak-kanak di luar sana. Yang berbeza hanyalah keprihatinan dan masa yang terluang bersama darah daging sendiri. Namun, aku tetap bersyukur ke hadirat Allah SWT kerana setia menjagaku setiap masa.

"Tak lama lagi, kita semua akan menyambut bulan Ramadhan. Jadi, sama-samalah kita berusaha untuk menjadi seorang hamba Allah SWT yang lebih taat dan beriman kepada-Nya," pesan Ustaz Imran di dalam kuliah Maghribnya.

Sekejap sahaja masa berlalu, Ramadhan bakal berkunjung tiba. Aku dan sahabat-sahabatku di yayasan ini mula terasa sayu tatkala mendengar keseronokan sahabat-sahabat sekolah yang lain yang tidak sabar untuk menyambut Ramadhan dengan girangnya di samping keluarga masing-masing.

"Ramadhan... apa yang dimenungkan itu?" tanya sahabatku, Ilham.

"Tak ada apa-apa..." ujarku sambil tersenyum.

"Ramadhan... apa yang kamu rasakan itu pun aku dapat merasainya. Kamu rindu mereka, kan?"

Aku mengangguk.

"Aku pun begitu, Ramadhan. Seronoknya bila mengenangkan sambutan Ramadhan tahun lepas. Masa itu, ibu, ayah dan adik-beradik yang lain masih hidup," ujanya dengan nada yang semakin perlahan. Aku lihat air mata merembes jatuh ke pipinya. Cepat-cepat dikesatnya. Aku mendekatinya sambil memeluk tubuh sahabat yang aku sayangi.

"Lapkan air matamu, Ilham. Kita sama-sama akan sambut bulan Ramadhan dengan meriah di yayasan ini." ujarku sambil menguntumkan senyuman kepada Ilham.

"Kamu pun jangan bersedih. Kita semua di yayasan ini seperti keluarga sendiri. Susah senang, tangis tawa bersama-sama. Insya-Allah..." pujuk Ilham pula padaku. Aku merenung wajahnya yang tenang lagi mendamaikan. Kasihan Ilham. Mungkin satu kejutan baginya apabila kehilangan semua insan yang disayanginya sekelip mata pada tahun lepas. Ahli keluarganya telah terlibat dalam satu kemalangan ngeri di Temerloh. Aku masih teringat saat-saat dia menjejakkan kaki di Yayasan Wardatul Jannah ini. Wajahnya kelihatan sugul. Pada masa itu, dia seperti kanak-kanak yang kehilangan suara, mempunyai keyakinan diri yang rendah dan keupayaan bersosial yang sangat lemah. Namun, setelah berbulan-bulan berada di sini, dia sudah mula dapat menyesuaikan diri dengan kami dan yayasan ini. Dia seperti kembarku, seorang insan yang sangat baik hati, jujur dan bijak.



\*\*\*

"Letihnya hari ini, abang. Rasa haus yang teramat." keluh Fitri, sahabatku yang berusia 8 tahun.

"Tarik nafas, hembus. Lepas ini, kita balik mandi dan solat. Kemudian, kita boleh beriktikaf di masjid sementara hendak menunggu masa untuk bertadarus al-Quran," jawabku bersahaja.

"Tak laratlah nak berpuasa..." Fitri menyambung keluhannya.

"Jangan begitu. Ustaz Imran berpesan, banyak ganjaran pahala yang kita akan dapat apabila bersabar di bulan mulia ini. Nikmatnya dapat kita rasai apabila berbuka puasa nanti. Di akhirat pula, bagi yang berpuasa akan masuk di dalam pintu syurga yang bernama ar-Rayyan, iaitu pintu syurga bagi orang yang berpuasa."

Fitri tersenyum lalu mengangguk-angguk. "Baiklah abang. Terima kasih kerana mengingatkan Fitri."

Selepas pulang dari sekolah, kami bersiap-

siap untuk menunaikan solat Zuhur secara berjemaah. Selepas solat, kami berehat di masjid sementara menanti sesi tadarus al-Quran. Di sini, kami akan cuba mengkhatamkan bacaan al-Quran setiap hari.

*"Wahai purnama... wahai purnama...  
Lagi yang indah... lagi sempurna...  
Bagaimana... bagaimana... nakku luah  
dengan kata-kata...  
Engkau menyinari di alam tinggi...  
di alam tinggi...  
Engkau menyinari di alam tinggi...  
di alam tinggi..."*

Merdu alunan abang Saifulrahman berqasidah. Setiap hari, selepas solat kami akan berselawat atau berqasidah bersama-sama. Alhamdulillah, banyak yang aku pelajari di sini. Walaupun aku tidak bebas seperti kanak-kanak lain, namun aku bersyukur kerana dipandu untuk mencintai Allah SWT dan Rasul-Nya di Yayasan Anak-anak Yatim Wardatul Jannah ini.

"Ramadhan..." panggil abang Saifulrahman.

"Ya, abang..." jawabku.

"Ramadhan... bulan depan abang mungkin tak tinggal di sini lagi."

"Kenapa, abang?"

"Pak cik abang telefon dan memberitahu abang yang dia akan balik dari luar negara hujung bulan ini. Jadi, mungkin abang akan tinggal bersama-sama dengannya nanti."

Tiba-tiba, air mataku mengalir. Aku memeluk erat abang Saifulrahman.

"Abang, janganlah pergi..." rayuku. Abang Saifulrahman merendahkan tubuhnya untuk melihat wajahku yang sudah dilimpahi dengan air mata.

"Janganlah menangis, Ramadhan. Abang janji kita akan jumpa lagi nanti. Kalau abang bawa Ramadhan tinggal dengan abang, nak tak?"

Aku menggeleng kepala tanda tidak mahu.

"Mestilah Ramadhan sedih.... abang kan abang yang paling rapat dengan Ramadhan di yayasan ini."

"Ramadhan ikut abang, nak tak?"

"Tak nak. Ramadhan seronok duduk di sini. Biarlah Ramadhan tinggal di sini dengan sahabat-sahabat. Abang jangan lupa saya di sini."

Abang Saifulrahman mengangguk sambil mengelapkan air mataku. Didukungnya aku bagaikan adik kecil di belakangnya menuju ke dewan makan untuk berbuka puasa bersama-sama penghuni yayasan ini.

Aku lihat hidangan yang telah tersedia di atas meja. Alhamdulillah, syukur dengan rezeki yang telah Kau berikan kepada kami. Sesekali, aku terasa ingin sangat dipertemukan dengan penyumbang-penyumbang yang dermawan untuk yayasan ini. Ingin kuucapkan terima kasih kepada mereka kerana sudi berkongsi rezeki dengan kami di sini. Moga Allah SWT membalas jasa-jasa kalian.

Usai menunaikan solat terawih, kami duduk bersembang di anjung masjid.


"Sekejap sahaja masa berlalu, bulan Ramadhan akan pergi meninggalkan kita," kata Ilham.

"Wah... tak lama lagi kita akan raya. Nak baju raya baru..." sahut Rami.

"Baju raya saya yang sudah dua tahun lepas pun masih cantik lagi. Tak perlu baju raya baru," sambung Adam.

"Setuju dengan Adam. Baju raya saya pun sama. Masih elok lagi. Lagipun, hari raya pertama kita pun tidaklah semeriah orang lain," kataku.

Beginilah kehidupan kami. Sebenarnya, kami sudah berasa bersyukur kerana dapat tinggal di sini. Ramai juga manusia yang prihatin dengan kami. Kami tidak pernah meminta simpati. Cukuplah hanya mengerti dan menyayangi kami seperti manusia biasa. Walaupun kami tiada ayah dan tiada ibu, tetapi kami ada sebuah keluarga yang saling sayang-menyayangi kerana Allah SWT dan kami juga mempunyai naluri yang hampir sama. Ingin dikasihi. Ingin disayangi. Kami gembira dengan didikan agama di sini. Kami merasakan kebahagiaan yang sebenar apabila meletakkan Allah SWT di dalam hati. Kehilangan yang kami rasakan digantikan dengan hikmah yang tersembunyi. Terima kasih Allah SWT. Kami tahu betapa Kau sentiasa menyayangi kami.



Oleh: Mohamad Baharudin Mohamad Bekri

## Bersederhana di Bulan Ramadhan

Fabel



Buat apa masak Qittah? Beli sahaja di bazar Ramadhan. Macam-macam kuih ada.

Saya tidak suka ke bazar Ramadhan.

Mengapa pula tidak suka? Ruginya. Banyak kucing-kucing jantan yang kacak di situ. Singa dan unta betina pun banyak tadi. Cuci mata saya dan Jamal tadi.

Itulah yang saya tak mahu. Kamu tahu ini bulan Ramadhan? Bulan puasa?

Mestilah tahu.

Kalau tahu, mesti kamu juga tahu yang bulan ini kita bukan sahaja perlu berpuasa makan dan minum, tetapi juga berpuasa hawa nafsu. Puasa mata. Jangan membazir.





Bagaimana pula dengan puasa kami hari ini? Batalkah?

Tidaklah batal.

Cuma selepas ini kamu minta ampun daripada Allah SWT. Selepas itu berazam tidak lagi buat begitu. Makanan yang banyak itu pula, saya cadangkan kamu bawa ke masjid. Berbuka dan bersedekah dengan orang di situ.

Pahala sedekah pada bulan Ramadan ini Allah SWT beri berkali ganda. Jadi, kamu tidak membazir dan pahala pun dapat.




Terima kasih Qittah. Bijak cadangan kamu.






# تلاته جاوي ۱



برسمبوغ...



BERSAMA PAK SYARIF

منوليس دان ممباچ

دغنكو

سوڭكوه

علمو

دئامن

الله

ديريكن

دويون

مولوت

سالىن فركاتاغن داتس كدالم رواغ كوسوغ بركاريس دباوه:

سهارى سونتوق \_\_\_\_\_ باچان،

مموكت \_\_\_\_\_ دلاءوتن بوكو؛

\_\_\_\_\_ سرونوق ممباچ القرعان،

تراسا الله برچاكف \_\_\_\_\_ .


سلوروه اومه مغادف قبله،

ايتوله دي بينان كعبه؛

دامايش جيوا ديريكن صلاة،

باكاين برچاكف دغن الله .

## BERSAMA PAK SYARIF



فٲنوهكن فٲتق ٢ كوسو؄ برءاسركن راجه ءباوه :

2	1	4	3
4	1	2	3
1	3	2	4
4	2	1	3

ي<sup>2</sup>

ر<sup>1</sup>

ا<sup>4</sup>

ك<sup>3</sup>

فوتوس تالي بوليه دسامبو؄  
فاته ار؄ فوتوس سكاللي .



**A**

فونوس يالي نوليه ءسامبو؄  
فايه او؄ فوتوس سكاللي .



**B**

چاري

قربيداءن

بولتكن سفولوه

قربيداءن يغ ترداقت

ءالم راجه (B)



# Aidilfitri dan Aidiladha

[认识开斋节和牺牲节 ren-shi kai-zhai-jie he xi-sheng-jie]

Mengenal istilah sempena Aidilfitri dan Aidiladha  
dalam bahasa Mandarin

## A. Aidilfitri (Hari Raya Puasa)

kai-zhai-jie 开斋节 Hari Raya Puasa (Aidilfitri)	kai-zhai-jie kuai-le 开斋节快乐 Selamat Hari Raya Puasa
kai-zhai 开斋 Buka Puasa	feng-zhai 封斋 Berppuasa
Jie-ri 节日 Hari Perayaan	zhai-yue 斋月 Bulan Puasa
la-mai-dan-yue 莱麦丹月 Bulan Puasa (Bulan Ramadan)	sya-wal-yue 撒华月 Bulan Raya (Bulan Syawal)



## B. Aidiladha (Hari Raya Korban)

xi -sheng -jie  
**牺牲节**  
Hari Raya Korban  
(Aidiladha)

xi -sheng  
**牺牲**  
Korban

zai -sheng  
gong -ke  
**宰牲功课**  
Ibadat Korban

zhao -sheng -yue  
**朝圣月**  
Bulan Haji

zhong -xiao -jie  
**忠孝节**  
Hari Raya Korban  
(Aidiladha)

(Istilah ini juga  
digunakan  
di negara China)

xi -sheng -jie kuai -le  
**牺牲节快乐**  
Selamat  
Hari Raya Korban  
(Aidiladha )

zhao -sheng  
**朝圣**  
Naik Haji

dao mai -jia zhao -sheng  
**到麦加朝圣**  
Naik Haji ke Mekah

mai -jia che ng  
**麦加城**  
Kota Mekah

zhong -xiao  
**忠孝**  
setia taat

(Berkaitan sifat taat  
setia Nabi Ibrahim AS dan  
Nabi Ismail kepada  
Allah SWT)

## INGIN MELANGGAN MAJALAH PENDIDIK?

Adik-adik yang berminat untuk melanggan majalah PENDIDIK boleh menghantar:

1. Sampul surat beralamat sendiri.
2. Ukuran sampul surat adalah 32cm x 23cm (saiz A4)
3. Lekat setem RM1.00 bagi setiap sampul.
4. Tuliskan perkataan PENDIDIK di bahagian atas sebelah kiri sampul surat berkenaan.
5. Satu sampul surat hanya untuk satu keluaran sahaja (2 naskah)




Sila hantarkan sampul surat adik-adik kepada :

**Pengarang Majalah Pendidik,  
Bahagian Penerbitan,  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim),  
Aras 4, Blok D9, Kompleks D,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62519 Putrajaya.**

Tel: 03-8886 4000

Faks: 03- 8889 2046



Adik-adik ingin menambah kenalan? Adik-adik dapat berkenalan dan berhubung antara satu sama lain serta bertukar-tukar fikiran tentang pelajaran, memberi pendapat, nasihat dan sebagainya melalui ruangan ini. Adik-adik boleh menyertainya dengan mengisi borang dan sertakan sekeping gambar yang berukuran pasport.

Hantarkan borang adik-adik kepada:  
Pengarang,  
Majalah Pendidik,  
Bahagian Penerbitan,  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM),  
Aras 4, Blok D9, Kompleks D,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62519 Putrajaya.

Nama: .....

Alamat: .....

Cita-cita: .....

Hobi: .....

E-mel: .....

Blog: .....



## Borang Kaji Selidik Pembaca Pendidik

### BAHAGIAN A: MAKLUMAT PERIBADI

**Arahan :** Sila pilih jawapan yang bersesuaian.

- |                                      |   |  |
|--------------------------------------|---|--|
| 1. Umur:                             | 4. Bangsa:                                      | 5. Pendidikan:   |
| <input type="checkbox"/> <6 tahun    | <input type="checkbox"/> Melayu                 | <input type="checkbox"/> Sekolah Berasrama Penuh               |
| <input type="checkbox"/> 7-9 tahun   | <input type="checkbox"/> Cina                   | <input type="checkbox"/> Sekolah Kebangsaan                    |
| <input type="checkbox"/> 10-12 tahun | <input type="checkbox"/> India                  | <input type="checkbox"/> Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina/Tamil) |
| <input type="checkbox"/> >12 tahun   | <input type="checkbox"/> Bumiputera Sabah       | <input type="checkbox"/> Sekolah Rendah Islam                  |
| 2. Jantina:                          | <input type="checkbox"/> Bumiputera Sarawak     | <input type="checkbox"/> Tadika KEMAS                          |
| <input type="checkbox"/> Lelaki      | <input type="checkbox"/> Bumiputera Semenanjung | <input type="checkbox"/> Tadika Swasta                         |
| <input type="checkbox"/> Perempuan   | <input type="checkbox"/> Lain-lain              | <input type="checkbox"/> Lain-lain                             |
| 3. Agama:                            |   |  |
| <input type="checkbox"/> Islam       |   |  |
| <input type="checkbox"/> Bukan Islam |   |  |

### BAHAGIAN B: KANDUNGAN MAJALAH PENDIDIK

**Arahan :** Sila pilih jawapan yang bersesuaian.

- Sila tandakan kandungan yang paling digemari dalam majalah Pendidik:
 

<input type="checkbox"/> Dari Meja Pengarang	<input type="checkbox"/> Khyra & Khyri	<input type="checkbox"/> Karya Pembaca
<input type="checkbox"/> Mutiara Hadith	<input type="checkbox"/> Kisah Nabi	<input type="checkbox"/> Fabel
<input type="checkbox"/> Fardhu Ain/Kifayah: Belajar Tauhid	<input type="checkbox"/> Soal Jawab Agama	<input type="checkbox"/> Saya Suka Baca Jawi
<input type="checkbox"/> Fardhu Ain/Kifayah: Adab Islamiah	<input type="checkbox"/> Novel Bersiri	<input type="checkbox"/> Belajar Mandarin
<input type="checkbox"/> Fardhu Ain/Kifayah: Tafhimul Quran	<input type="checkbox"/> Motivasi & Inspirasi	<input type="checkbox"/> Teka Silangkata
<input type="checkbox"/> Ulul Albab: Anatomi/Perubatan	<input type="checkbox"/> Tip Adik Hebat	<input type="checkbox"/> Permainan IQ
<input type="checkbox"/> Ulul Albab: Sains Teknologi & Alam Sekitar	<input type="checkbox"/> Bersama Kak Kusyi	<input type="checkbox"/> Peraduan Mewarna
<input type="checkbox"/> Tahukah Adik-adik	<input type="checkbox"/> Cinta Rasul	<input type="checkbox"/> Poster (muka belakang)
	<input type="checkbox"/> Pedoman	
- Dari manakah anda memperoleh majalah Pendidik?
 

<input type="checkbox"/> Kaunter Jualan Jakim	<input type="checkbox"/> Langganan	<input type="checkbox"/> Lain – lain
<input type="checkbox"/> Program Jakim	<input type="checkbox"/> Masjid	
- Bagaimanakah anda mengetahui mengenai majalah Pendidik?:
 

<input type="checkbox"/> Keluarga	<input type="checkbox"/> Media	<input type="checkbox"/> Laman sosial	<input type="checkbox"/> Lain – lain
<input type="checkbox"/> Rakan	<input type="checkbox"/> Enjin carian	<input type="checkbox"/> Pameran / Ekspo	
- Tujuan anda membaca majalah Pendidik:
 

<input type="checkbox"/> Mendapatkan ilmu pendidikan Islam untuk kanak-kanak	<input type="checkbox"/> Membaca komik	<input type="checkbox"/> Kulitnya menarik
<input type="checkbox"/> Rujukan bahan bantu mengajar	<input type="checkbox"/> Lain-lain	

**Arahan untuk soalan 5-10 :** Sila pilih jawapan yang sesuai berdasarkan skala yang dinyatakan di bawah

Skala	JAWAPAN	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Memuaskan	Setuju	Sangat Setuju
	SKOR	1	2	3	4	5

- Anda sangat suka majalah Pendidik:
 

<input type="checkbox"/> 5	<input type="checkbox"/> 4	<input type="checkbox"/> 3	<input type="checkbox"/> 2	<input type="checkbox"/> 1
----------------------------	----------------------------	----------------------------	----------------------------	----------------------------
- Kekerapan keluaran majalah Pendidik (dua bulan sekali):
 

<input type="checkbox"/> 5	<input type="checkbox"/> 4	<input type="checkbox"/> 3	<input type="checkbox"/> 2	<input type="checkbox"/> 1
----------------------------	----------------------------	----------------------------	----------------------------	----------------------------
- Ketebalan majalah Pendidik (40 muka surat):
 

<input type="checkbox"/> 5	<input type="checkbox"/> 4	<input type="checkbox"/> 3	<input type="checkbox"/> 2	<input type="checkbox"/> 1
----------------------------	----------------------------	----------------------------	----------------------------	----------------------------
- Kandungan bahan sentiasa terkini:
 


<input type="checkbox"/> 5	<input type="checkbox"/> 4	<input type="checkbox"/> 3	<input type="checkbox"/> 2	<input type="checkbox"/> 1
----------------------------	----------------------------	----------------------------	----------------------------	----------------------------
- Rekabentuk dan atur huruf yang menarik:
 

<input type="checkbox"/> 5	<input type="checkbox"/> 4	<input type="checkbox"/> 3	<input type="checkbox"/> 2	<input type="checkbox"/> 1
----------------------------	----------------------------	----------------------------	----------------------------	----------------------------
- Kandungan majalah boleh digunapakai sebagai rujukan:
 

<input type="checkbox"/> 5	<input type="checkbox"/> 4	<input type="checkbox"/> 3	<input type="checkbox"/> 2	<input type="checkbox"/> 1
----------------------------	----------------------------	----------------------------	----------------------------	----------------------------
- Mohon cadangkan penambahbaikan untuk majalah Pendidik

Hantarkan borang kepada:  
Majalah Pendidik, Bahagian Penerbitan, Jakim, Aras 4, Blok D9, Kompleks D, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62519 Putrajaya.

# Teka Silang Kata



Nama: .....

Alamat: .....

.....

.....

Tel: ..... Umur: .....

Nombor SB/KP: .....

No Akaun Bank: .....

Bank dan Cawangan Bank: .....

\* Kecuali Tabung Haji.

\* Sila tulis nombor telefon dan nombor akaun untuk urusan penghantaran hadiah.



## MELINTANG

1. Termasuk 7 ayat dalam surah al-Fatihah
5. Bersugi dalam Bahasa Arab
7. Diulang dua kali, jadi air
8. Sungai yang terletak di Mesir
9. Keterangan atau bukti dalam Islam
12. Al-Quran diturunkan pada malam
13. Seni tulisan jawi/arab

## MENEGAK

2. Ayat-ayat Makkiah diturunkan di
3. Dalam surah al-Fatihah bermaksud sekalian alam
4. Memohon perlindungan Allah SWT
6. Panggilan lain bagi bapa dalam Bahasa Arab
10. Nama surah dalam al-Quran dan juga salah satu huruf Hijaiyah
11. Hukum bacaan tajwid bermaksud panjang

## SYARAT PERADUAN


1. Peraduan ini terbuka kepada kanak-kanak yang berumur dari 7 hingga 12 tahun sahaja.
2. Peserta boleh menghantar lebih dari satu penyertaan. Bagaimanapun, peserta yang dipilih hanya layak memenangi satu hadiah sahaja.
3. Borang penyertaan hendaklah diisi dengan HURUF BESAR dan tulisan yang kemas.
4. Penyertaan hendaklah sampai kepada pengarang selewat-lewatnya sebelum keluaran Pendidik yang akan datang.

Hantarkan penyertaan adik-adik kepada:

PERADUAN TEKA SILANGKATA (Isu 1, 2016), Majalah Pendidik, Bahagian Penerbitan, Jakim, Aras 4, Blok D9, Kompleks D, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62519 Putrajaya.



# Tema: RAYA



Nama: .....

Alamat: .....

Tel: ..... Umur: .....

Nombor SB/KP: .....

No Akaun Bank: .....

Bank dan Cawangan Bank: .....

\* Kecuali Tabung Haji.

\* Sila tulis nombor telefon dan nombor akaun untuk urusan penghantaran hadiah.

## SYARAT PERADUAN

1. Peraduan ini terbuka kepada kanak-kanak yang berumur dari 7 hingga 12 tahun sahaja.
2. Gambar hendaklah diwarnakan mengikut kreativiti adik-adik.
3. Peserta boleh menghantar lebih dari satu penyertaan. Bagaimanapun, peserta yang dipilih hanya layak memenangi satu hadiah sahaja.
4. Borang penyertaan hendaklah diisi dengan HURUF BESAR dan tulisan yang kemas.

Hantarkan penyertaan adik-adik kepada:

**PERADUAN MEWARNA (Isu 1, 2016), Majalah Pendidik, Bahagian Penerbitan, Jakim, Aras 4, Blok D9, Kompleks D, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62519 Putrajaya.**



Saya sejenis makanan yang dihidangkan pada hari raya. Sambung titik-titik di bawah untuk mengetahui siapa saya. Kemudian warnakan gambar.



# Jom Solat Tarawih



Alif dan Atan berjanji untuk pergi solat tarawih di masjid. Bantu mereka mencari jalan yang betul untuk sampai ke masjid.



# Buku Terbitan JAKIM

## Biodata Penulis

Kusyi Hirdan atau nama penuh beliau ialah Raja Nur Qurshiyah Bt Raja Hirdan dilahirkan pada 16 Januari 1969 di Bukit Chandan, Kuala Kangsar, Perak.

Beliau mendapat pendidikan di Sekolah Rendah Raja Perempuan Muzwin bermula dari tahun 1 hingga tahun 6. Kemudian menyambung persekolahan di Sekolah Menengah Raja Perempuan Kelsom. Seterusnya beliau menyambung pengajian di Bedford Girls College dalam bidang Secretarial Studies and Intermediate dalam kursus English For Business Communications.

Beliau memulakan minat dalam penulisan dengan menulis cerpen dan puisi, Kusyi Hirdan semakin bersemangat apabila karyanya tersiar di majalah Nona, Jelita, Perempuan, Citra, Wanita dan Seri Dewi & Keluarga. Menulis sudah sebatian dengan jiwanya.

Selain aktif menulis novel, Kusyi Hirdan juga bekerja sebagai wartawan. Kini sebagai penulis penyumbang untuk akhbar Harian Metro di ruangan meja wanita. Sepanjang kerjaya di dunia kewartawanan dan penulisan, Kusyi telah dianugerahi; Hadiah Kewartawanan Terbaik (Bahasa Melayu) 2002, dan Singapore Tourism Award-Penulis Artikel Terbaik (Bahasa Melayu) 2005. Pertandingan Menulis Skrip Berunsur Islam anjuran IKIM-hadiah saguhati,serta Anugerah Sastera Perdana 2010 novel kanak-kanak-Umairah & Kuda Putih.

Setakat ini Kusyi Hirdan sudah menulis lebih dari 36 novel yang meliputi novel umum, remaja, kanak-kanak dan sains fiksi.



## Info Buku

ISBN 978-983-0425-18-4  
Cetakan Pertama: 2013  
Kategori: Kanak-kanak  
Tebal: 170 halaman  
Harga: RM35.00

## Hubungi kami dan dapatkan naskhah anda di:

Unit Promosi, Bahagian Penerbitan, Jakim,  
Aras 1, Blok D9, Kompleks D,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62519 W.P. Putrajaya.  
Tel: 03-8886 4575  
E-mel: [promosi@islam.gov.my](mailto:promosi@islam.gov.my)

Kedai Buku Jakim Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin,  
Lot 4, Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin,  
No. 25, Jalan Tunku Abdul Rahman,  
Present 3, 62100 W.P. Putrajaya.  
Tel: 03-8890 3669  
E-mel: [kedaibuku@islam.gov.my](mailto:kedaibuku@islam.gov.my)